قُوتُ الْقُلُوب

كِتَابُ أَسَاسِ الْمُرِيدِين

RUJI HATI

KITAB ASAS PARA MURID

ABU TALIB AL-MAKKI

PENTERJEMAH
ARSYAD MOKHTAR

قُوتُ الْقُلُوب

كِتَابُ أَسَاسِ الْمُرِيدِين

RUJI HATI

KITAB ASAS PARA MURID

BAYTUL HIKMĀ

Cetakan Kedua, 2020

قُوتُ الْقُلُوب

كِتَابُ أَسَاسِ الْمُرِيدِين

RUJI HATI

KITAB ASAS PARA MURID

ABU TALIB AL-MAKKI
(386 H)

PENTERJEMAH
ARSYAD MOKHTAR AL-FINDANI

Baytul Hikma
Pulau Pinang
2020

RUJI HATI

Cetakan Pertama, 2018
Cetakan Kedua, 2020

ISBN: 978-967-2091-20-2

Diterbitkan Oleh

BAYTUL HIKMA
(PG0378209-M)
Pulau Pinang, Malaysia
www.baytulhikma.my
baytulhikmaresources@gmail.com
www.facebook.com/BaytulHikmaMalaysia
+6013-2181421

KANDUNGAN

MUQADDIMAH PENTERJEMAH

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillah yang mengurniakan ruang dan kesempatan bagi menyelesaikan terjemahan kitab yang sungguh bermakna ini. *Kitab Asasil Muridin* ini sebenarnya merupakan Fasal ke-27 daripada kitab *Qutul Qulub* karangan Abu Talib Al-Makki *rahimahullah* yang masyhur dalam dunia Islam, khususnya bidang ilmu Ihsan atau ilmu Tasawwuf.

Adalah menjadi hasrat saya untuk menterjemahkan keseluruhan kitab *Qutul Qulub* itu ke dalam bahasa Melayu, namun keadaan masa yang ada sekarang ini seakan belum lagi mengizinkan.

Maka saya mengambil langkah menterjemahkannya secara berdikit-dikit tanpa menurut urutan fasalnya. Dan terjemahan Fasal ke-27 ini adalah langkahan yang pertama. Saya namakannya sebagai *Kitab Asas Para Murid*, sementara *Qutul Qulub* pula saya namakan sebagai *Ruji Hati*. Mudah-mudahan nanti Allah mengizinkan terjemahan yang berdikit-dikit ini lengkap juga keseluruhannya.

Di samping menterjemah, saya turut memberikan notakaki pada beberapa tempat yang dilihat perlu, di samping tambahan yang tidak dapat dielakkan dengan

dituliskan dalam kurungan ( ). Selain itu, saya juga memberikan tajuk-tajuk yang dirasakan sesuai dengan dituliskan dalam kurungan berpetak [ ].

Sekiranya ada sebarang kesilapan maka saya memohon keampunan daripada Allah dan teguran dengan jalan ilmu daripada tuan puan yang lebih arif.

Tidaklah saya mahu berpanjang kalam dalam kesempatan ini, kerana saya ingin tinggalkan anda bersama mahaguru yang mulia, Syaikh Abu Talib Al-Makki bagi mendengar butir bicara beliau itu.

Ya Allah, jadikanlah amal ini ikhlas keranaMu. Terimalah ia dengan rahmatMu. Dan jika ada pahalanya, maka limpahkanlah ia kepada pengarangnya yang mulia, serta jadikanlah juga ia hadiah dariku sebagai tambahan kepada timbangan kebaikan ayah dan emakku serta para guru yang telah mendidikku, juga kepada seluruh kaum Muslimin. Sesungguhnya Engkau Maha Kaya lagi Maha Pemurah. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Wassalam

Arsyad Mokhtar Al-Findani
11:16 malam,
Rabu, 31 Julai 2018,
Pendang, Kedah Darul Aman

Ruji Hati

Kitab Asas Para Murid

Abu Talib Al-Makki

Penterjemah
Arsyad Mokhtar Al-Findani

BAYTUL ḤIKMĀ

[HIJAB HAMBA]

Telah berkata sebahagian ulama: *"Makhluk itu terhijab dengan tiga perkara, iaitu: kecintaan kepada dirham*[1]*, menuntut kekuasaan, dan mentaati perempuan."*

Berkata sesetengah ahli makrifat: *"Tiga perkara yang memutuskan hamba dengan Allah Azza wa Jalla, iaitu: tidak serius dalam kemahuan, jahil tentang jalan (menujuNya), dan ulama jahat yang berbicara dengan hawa nafsu."*

Sebahagian ulama kita ada menyebutkan: *"Apabila yang dicari*[2] *itu terhijab, sedangkan penunjuk jalan pula tiada, serta perselisihan pendapat turut serta, maka kebenaran*[3] *tidak akan tersingkap. Manakala kebenaran tidak tersingkap, maka seorang murid akan kebingungan."*

[TUJUH CIRI]

Ketahuilah! Bahawasanya seseorang murid itu tidak dapat tiada memiliki tujuh ciri, iaitu:

1. Serius dalam kehendak. Petandanya adalah dia menyediakan bekalan.

2. Dia mestilah mencari jalan untuk melakukan ketaatan. Petandanya adalah dengan menjauhi teman-teman yang jahat.

3. Dia mestilah memiliki pengetahuan tentang keadaan nafsunya. Petandanya adalah dengan dia

---

[1] Wang dan harta. –pent.

[2] Ar: (المطلوب). Di sini maksudnya Allah SWT. –pent.

[3] Ar: (الحق). Ini juga dimaksudkan Allah SWT. –pent.

mencongkel apa-apa kejahatan nafsunya.

4. Dia mestilah sering duduk-duduk dengan orang *alim billah*. Petandanya adalah dengan dia mengutamakan sang alim itu berbanding siapa saja.

5. Menjadi kemestian baginya untuk bertaubat nasuha. Dengan demikian maka dia akan memperolehi kelazatan dalam ketaatan serta meneguhkan kakinya untuk terus melakukan ketaatan. Dan petanda taubat itu adalah dengan dia memotong penyebab hawa nafsu, serta bersikap zuhud terhadap perkara yang digemari oleh nafsu.

6. Dia mestilah memakan makanan yang halal yang tidak dicela oleh ilmu. Petanda halalnya adalah dengan jalan dia sendiri mencarinya, manakala petanda pencarian itu dengan ilmu adalah apabila dilakukan dengan cara-cara yang diharuskan menurut hukum Syarak.

7. Tidak dapat tiada hendaklah dia memiliki teman rapat yang salih yang akan menguatkan semangatnya dalam semua yang tersebut. Petanda teman rapat yang salih adalah apabila dia bersikap membantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan serta menegahnya daripada perkara dosa dan permusuhan.

Maka inilah tujuh ciri yang akan memperkukuhkan kemahuan yang mana tidak akan tertegak melainkan dengannya.

[EMPAT ASAS]

Dan hendaklah dia meminta pertolongan untuk mendapatkan tujuh ciri itu dengan empat asas binaan

yang bertindak memperkuat segala tiang-tiangnya, iaitu:

1. Pertamanya, lapar.
2. Kemudian berjaga malam.
3. Seterusnya, diam.
4. Dan akhirnya, bersendirian.

Maka inilah empat perkara yang memenjarakan nafsu dan mempersempitkannya, memukul nafsu serta mengikatnya. Dengan kesemua inilah seseorang akan melemahkan sifat nafsunya, dan di atas empat asas inilah segala muamalahnya[4] menjadi baik.

Setiap satu daripada empat perkara ini mempunyai peranan yang bagus terhadap hati.

[MENAHAN LAPAR]

Adapun lapar, maka sesungguhnya ia akan mengurangkan darah hati, lantas memutihkannya. Pada putihnya itulah terpancar nurnya. Ia juga akan mencairkan lemak hati, lantas melembutkannya. Dan lembutnya hati itu anak kunci bagi segala kebaikan, kerana keras hati adalah anak kunci segala kejahatan.

Apabila berkurangnya darah hati, maka sempitlah laluan musuh[5] daripadanya, kerana darah hati itu adalah tempatnya musuh. Apabila lembut hati, maka akan lemahlah kekuasaan musuh daripadanya, kerana kerasnya hati merupakan kekuasaannya.

---

[4] Muamalah di sini bermaksud hubungan seseorang dengan Allah dan hubungannya dengan makhluk. –pent.

[5] Yakni syaitan.

Para ahli falsafah mengatakan bahawa sesungguhnya nafsu itu semuanya darah. Hujah mereka adalah bahawa apabila seseorang manusia itu mati, maka tidak ada yang hilang daripada jasadnya melainkan darahnya bersama ruhnya.

Para ulama dari kalangan mereka (ahli falsafah itu) berkata: *"Darah adalah tempat bagi nafsu."*

Dan ini adalah benar, kerana ia bertepatan dengan apa yang terdapat di dalam Taurat. Aku telah mendengar bahawa ada tertulis yang berikut di dalam Taurat: *"Wahai Musa! Janganlah engkau makan urat-urat, kerana sesungguhnya ia adalah tempat bagi setiap nafsu."*

Dan ini juga adalah membenarkan sebuah hadis yang diriwayatkan bahawa, *"Syaitan itu berlarian dalam tubuh anak Adam pada saluran darahnya. Maka hendaklah kalian menyempitkan laluannya itu dengan lapar dan dahaga."*

Para ulama Kufah menyebutkan nafsu sebagai ganti kata darah pada kata-kata mereka: *"Apabila serangga yang tidak memiliki nafsu*[6] *yang mengalir mati di dalam air, maka ia tidak menajiskannya."*

Serangga yang dimaksudkan mereka adalah kumbang, lipas dan labah-labah.

Lapar juga akan mengurangkan darah, dan dengan kekurangannya itu akan mempersempit laluan musuh dan melemahkan tempat tinggal nafsu disebabkan roboh tempat tinggalnya.

Dalam sebuah khabar daripada Isa alaihissalam

---

[6] Yakni darah. Di sinilah digunakan kata nafs sebagai ganti kata darah. –pent.

katanya: *"Wahai sekalian Hawariyyin! Laparkanlah perut kalian dan dahagakanlah hati kalian serta dedahkanlah jasad kalian. Moga-moga dengan itu hati kalian akan dapat melihat Allah Azza wa Jalla."*

Yakni, melalui hakikat zuhud dan kesucian hati.

Lapar adalah anak kunci zuhud dan gerbang akhirat. Padanya terhinanya nafsu, seraya tenang, lemah dan hancur. Dan pada demikian itulah hidup dan baiknya hati.

Sekurang-kurang (faedah) yang terdapat pada lapar itu adalah membawa kepada banyak diam. Pada diam itu pula adanya keselamatan, dan (keselamatan) itulah matlamat orang-orang yang berakal sempurna.

Sahl (bin Abdullah At-Tustari) rahimahullah telah berkata: *"Seluruh kebaikan terhimpun pada empat perkara ini, yang mana dengan perkara itulah seseorang Abdal*[7] *menjadi Abdal. Iaitu mengempiskan perut, diam, berjaga malam, dan menyisihkan diri daripada manusia."*

Katanya lagi: *"Barangsiapa yang tidak bersabar dengan kelaparan dan kemudaratan, maka tidak akan berhasil baginya urusan ini*[8]*."*

Abdul Wahid bin Zaid pernah bersumpah dengan nama Allah bahawa para Siddiqin[9] tidak menjadi Siddiqin melainkan dengan berlapar dan berjaga malam.

---

[7] Gelaran bagi salah satu pangkat dalam kewalian. –pent.

[8] Yakni makrifat kepada Allah dengan sebenarnya. Wallahu a'lam. –pent.

[9] Gelaran bagi mereka yang benar-benar dalam keimanan dan ketaatan kepada Allah. –pent.

[HATI MUKMIN]

Kerana sesungguhnya ia (yakni lapar) itu menyinari hati dan menerangkannya. Dan pada sinarnya itu akan kelihatan yang ghaib, sedangkan pada terangnya itu adalah kejernihan yaqin[10].

Maka sinar dan terangnya itu masuk kepada putih dan lembutnya sehingga menjadikan hati tersebut umpama sebutir bintang yang bercahaya pada cermin yang memancar. Dengan itu ia dapat menyaksikan yang ghaib melalui yang ghaib. Lalu ia pun menjadi zuhud terhadap yang fana setelah ia dapat menyaksikan yang abadi.

Dari itu akan berkuranganlah gemarnya terhadap habuan nafsu yang segera tatkala melihat buruknya akibat. Lantas makin gemarlah ia kepada ketaatan disebabkan telah menyaksikan akhirat dan darjat-darjat yang tinggi. Sehingga terjadilah yang mendatang[11] itu masa lani[12], dan yang masa lani hilang lenyap. Manakala yang ghaib menjadi hadir, sedangkan yang hadir menghilang, lantas dikejar dan diinginkan, namun tidak ia mencintai yang menghilang atau mencarinya lagi. Sebaliknya ia menuntut yang mendatang serta gemarkannya.

Dan tersingkaplah baginya kejelekan-kejelekan dunia, ternampak jelas kepadanya rahsia-rahsia yang batin serta lenyaplah darinya tipu daya yang samar. Maka

---

[10] Yakni iman. –pent.

[11] Ar: (الآجل). Yakni kehidupan akhirat. –pent.

[12] Ar: (عاجلا) yakni kehidupan dunia. –pent.

di sana jadilah seorang hamba itu Mukmin yang sebenar-benarnya dengan sifat yang disebutkan oleh Haritsah Al-Ansari ketika mana beliau berkata: *"Jiwaku tidak lagi menginginkan dunia dan aku seolah-olah sedang memandang kepada Arasy Tuhanku Taala dengan begitu jelas. Dan seolah-olah aku sedang memandang para penghuni syurga saling menziarahi serta penghuni neraka yang saling berbolak-balik."*

Demikian jualah apa yang telah disifatkan oleh Rasulullah SAW perihal hati seorang Mukmin dengan sabdanya: *"Hati itu empat jenis. Hati yang licin. Padanya ada lampu yang menerangi. Maka itulah hati seorang Mukmin. Licin hatinya dengan zuhud terhadap dunia dan bebas daripada hawa nafsu. Dan lampu yang menerangi di dalamnya adalah cahaya yaqin yang mana dengannya hati-hati dapat melihat."*

[BERJAGA MALAM]

Sebahagian ulama kita ada menyebutkan: *"Barangsiapa berjaga malam selama empat puluh malam dengan ikhlas, akan tersingkap baginya kerajaan langit."*[13]

Beliau[14] juga berkata bahawa semua kebaikan itu terhimpun pada empat perkara. Dan beliau menyebutkan salah satunya adalah berjaga malam.

Ketahuilah! Bahawasanya tidur para ulama itu hanya disebabkan oleh terlampau mengantuk setelah lamanya berjaga qiyamullail, yang mana ia[15] sebagai satu

---

[13] Ar: (ملكوت السماء). Yakni Alam Malakut atau alam para malaikat yang di langit. Wallahu a'lam. –pent.

[14] Gantinama di sini kembali kepada Abdul Wahid bin Zaid. –pent.

[15] Yakni tidur itu. –pent.

singkapan kasyaf, penyaksian, kedekatan, dan sampainya mereka kepadaNya.

Di antara sifat para Abdal adalah mereka itu tidak makan melainkan apabila tersangat lapar, tidak akan tidur melainkan kerana terlampau mengantuk, dan tidak berbicara melainkan kerana tersangat perlu.

Barangsiapa yang berjaga malam untuk Yang Dicintai[16], maka Dia tidak akan mengabaikannya pada siang hari, kerana sesungguhnya Dia telah menyebabkannya berjaga malam dalam khidmat kepadaNya.[17]

Pada suatu hari, Al-Hasan (Al-Basri) telah memasuki pasar lalau mendengar riuh-rendah dan heboh percakapan mereka yang berada di situ. Beliau lantas berujar, *"Aku rasa waktu malam mereka itu malam yang buruk. Mereka tidak tidur qailulah[18]."*

Dalam satu khabar[19] ada disebutkan, *"Tidurlah qailulah! Sesungguhnya syaitan tidak tidur qailulah. Carilah pertolongan untuk bangun malam dengan tidur qailulah pada waktu siang."*

Sesungguhnya ada dikatakan berkenaan firman Allah Azza wa Jalla: *"Dan mintalah pertolongan dengan sabar dan solat."*

---

[16] Ar: (الحبيب). Yakni Allah SWT. –pent.

[17] Yakni, Allah tidak akan membiarkannya faqir tanpa rezeki yang mencukupi. –pent.

[18] Iaitu tidur sekejap pada waktu tengah hari, sebelum atau selepas Zohor. –pent.

[19] *Khabar* adalah sebutan lain untuk *Hadis* secara umum. –pent.

Iaitu dikatakan (maksudnya adalah): *"Carilah pertolongan melalui puasa untuk bangun malam."*

Juga dikatakan: *"Carilah pertolongan dengan lapar dan solat malam untuk berjihad mengawal nafsu."*

Dikatakan juga: *"Carilah pertolongan dengan sabar dan solat dalam menjauhi larangan Allah."*

[DIAM]

Adapun diam, maka sesungguhnya ia menumbuhkan bibit akal, mengajarkan sifat warak, dan meraih taqwa. Dengan diam juga Allah Azza wa Jalla akan menjadikan bagi seseorang hamba itu takwilan yang benar[20] dan ilmu yang tepat sebagai jalan keluar baginya. Selain itu, Allah juga akan melorongkannya dengan taufiq untuk berkata-kata yang benar serta beramal yang terpandu, disebabkan hamba itu mengutamakan sikap diam.

Sesungguhnya sebahagian salaf telah berkata: "*Aku mempelajari sifat diam melalui kerikil-kerikil yang aku letakkan di dalam mulutku selama tiga puluh tahun. Pernah apabila aku berhasrat untuk mengucapkan bicara maka kerikil-kerikil itu bergerak-gerak menghalang lidahku, lantas ia[21] pun diam."*

Sebahagian yang lain pula berkata: *"Bila mana aku mengucapkan satu kalimah yang tidak berfaedah, maka aku mendenda diriku agar bersolat dua rakaat. Lalu denda itu menjadi*

---

[20] Takwilan bererti mengetahui makna di sebalik sesuatu perkara. –pent.

[21] Yakni lidahnya. –pent.

ringan terhadapku.[22] *Maka aku mendenda pula dengan sehari puasa bagi setiap kalimah yang sia-sia. Itupun akhirnya menjadi mudah bagiku. Lalu aku denda diriku untuk bersedekah sebanyak satu dirham bagi setiap kalimah. Maka denda itu nampaknya sukar. Dengan itu aku pun berhenti (bercakap yang tidak berfaedah)."*

Uqbah bin Amir berkata: *"Wahai Rasulullah SAW! Pada apakah letaknya keselamatan itu?"* Maka sabda baginda: *"Kawallah lidahmu, lazimkanlah dirimu berada di rumahmu, dan tangisilah kesalahan-kesalahanmu."*

Rasulullah SAW telah bersabda dalam satu khabar yang ringkas dan padat dengan sabdanya: *"Barangsiapa yang ingin selamat, lazimkanlah berdiam diri."*

Begitu juga, Rasulullah SAW berpesan kepada Muaz mengenai solat, puasa dan lain-lain. Kemudian di penghujungnya baginda bersabda: *"Mahukah aku tunjukkan kepadamu sesuatu yang lebih perlu dikuasai bagimu daripada semua itu? Ini!"* Baginda lalu menunjukkan kepada lidahnya. Aku lantas bertanya: *"Wahai Rasulullah! Kita akan dituntut dengan apa yang diucapkan oleh lidah-lidah kita?"* Baginda terus bersabda: *"Kasihan ibumu Muaz! Bukankah manusia itu disembamkan ke dalam Jahannam akibat lidah-lidah mereka? Sesungguhnya selama mana engkau diam maka engkau selamat. Sebaliknya apabila engkau berkata-kata, maka sama ada ia keuntungan kepadamu atau sebaliknya."*

Abdullah bin Sufyan telah menyebutkan daripada ayahnya, katanya: *"Aku berkata, Wahai Rasulullah! Berilah*

---

[22] Kerana selalu dilakukan, seperti pepatah *"Alah bisa tegal biasa"*. – pent.

pesanan kepadaku dengan sesuatu dalam Islam ini yang tidak perlu lagi aku tanyakan tentangnya kepada orang lain selepasmu.”

Maka jawab baginda: *“Ucapkanlah, Tuhanku Allah! Kemudian tetaplah istiqamah.”*

“Apakah [amal] yang paling taqwa setelah itu?” tanyaku lagi.

Dalam lafaz yang lain disebutkan beliau berkata: *“Beritahu daku tentang sesuatu yang paling memberi mudarat kepada diriku.”*

Lalu jawab baginda: *“Ini!”* seraya menunjukkan kepada lidahnya.

Dalam sebuah khabar ada dikatakan: *“Tidak dikira benar-benar seseorang hamba itu bertaqwa kepada Tuhannya sehinggalah dia menyimpan lidahnya.”*

Dalam sebuah hadis yang sahih pula disebutkan: *“Tidak akan baik seorang hamba sehinggalah lurus hatinya. Dan tidak kan lurus hatinya sehingga lurus dahulu lidahnya.”*

Berkata Ibn Mas’ud: *“Tiada suatu yang lebih berhak untuk lama dipenjarakan berbanding lidah.”*

Berkata sebahagian salaf: *“Aku mencari-cari warak, lalu aku tidak mendapatinya paling sedikit pada lidah.”*

Sebahagian para ulama menyebutkan: *“Tidaklah lurus lidah seseorang hamba melainkan dapat diketahui kebaikannya turut melata segenap amalnya. Begitu juga tidaklah selisih lidahnya melainkan diketahui keburukannya turut terjadi pada amalnya yang lain.”*

Sebahagian hukamak pula berkata: *“Apabila bertambah akal, akan berkuranglah bicara. Sebaliknya apabila kurang akal, bertambah pula bicaranya.”*

Ahmad bin Hanbal mengatakan: *"Ulama Ahli Kalam*[23] *adalah puak zindiq*[24]*."*

Berkata sebahagian kumpulan ini[25]: *"Barangsiapa yang berbicara lalu baik bicaranya, maka itu ramai. Namun, keutamaan adalah pada mereka yang memandang lebih elok untuk diam."*

Zunnun Al-Misri berkata: *"Rasa takut itu membikin risau, sedangkan rasa malu itu mendiamkan lidah."*

Sebahagian ahli makrifat mengatakan: "*Ilmu itu dibahagi dua. Setengahnya adalah diam, setengah lagi adalah engkau tahu di manakah hendak diletakkan diam itu."*[26]

Berkata pula Ad-Dhahhak bin Muzahim: *"Aku telah bertemu mereka*[27] *dan tiada yang mereka pelajari selain diam dan warak. Sedangkan mereka*[28] *pada hari ini mempelajari bicara."*

Al-Hasan menyebutkan daripada Anas bin Malik dengan katanya: *"Rasulullah SAW telah bersabda: Empat*

---

[23] *Ahli Kalam* yang tidak terpuji adalah yang banyak berbicara mengenai hal-hal yang tidak perlu seperti adakah Al-Quran itu Kalam Allah yang Qadim atau baharu dan perbahasan yang menimbulkan ragu-ragu dalam hati orang-orang Islam. Selain itu, larut dalam perbahasan yang sedemikian juga menjauhkan daripada sesuatu yang lebih penting iaitu mengkaji Al-Quran dan Hadis. Adapun peranan sebahagian ulama yang bersenjatakan Ilmu Kalam untuk membela akidah, maka pada kadarnya yang perlu adalah suatu yang terpuji, insya Allah. *Wallahu a'lam*. –pent.

[24] *Zindiq* mempunyai pelbagai maksud. Antaranya munafik, iaitu yang menzahirkan Islam namun menyembunyikan kekufuran. –pent.

[25] Yakni golongan sufi. –pent.

[26] Yakni bilakah masa yang sesuai untuk diam. –pent.

[27] Yakni ahli ugama dari golongan salaf. –pent.

[28] Ahli agama terkemudian. Ini pada zaman beliau. Bagaimana pula pada zaman kini? *Allahul musta'an*. –pent.

perkara yang tidak diperolehi melainkan dengan keajaiban. Diam – iaitu permulaan ibadat, tawadhuk, zikrullah Taala, dan kurang dalam sesuatu.[29]*"*

Berkata Hammad bin Zaid: "Aku berkata kepada Ayyub (As-Sakhtiyani): *"Ilmu lebih banyak pada hari ini atau zaman sebelum ini?"* Lalu jawabnya: *"Wahai anakku! Pada hari ini lebih banyaknya adalah bicara, sedangkan ilmu lebih banyak pada zaman dahulu."*

Ada dikatakan: *"Mereka*[30] *mengambil manfaat dengan ilmu yang diam seperti mana mereka mengambil manfaat daripada bicaranya."*

Dikatakan juga: *"Barangsiapa yang tidak mengambil manfaat daripada diamnya pembicara, ia juga tidak dapat mengambil manfaat daripada bicaranya."*

Dikatakan kepada sebahagian ulama: "*Si fulan itu lebih alim ataukah si fulan?"* (Maka dijawab): *"Si fulan lebih alim, manakala si fulan itu pula lebih banyak berbicara."* Lihat bagaimana beliau membezakan antara ilmu dan bicara.

Dikatakan kepada seorang ulama Khurasan sewaktu hampir wafatnya: *"Tunjukkanlah kami kepada seorang yang dapat kami duduk di majlisnya setelah ketiadaanmu nanti."* Lalu beliau berkata: *"Si fulan."* Seraya menyebutkan seorang lelaki yang pendiam, kuat beribadat dan tidak dikenali sebagai seorang yang banyak ilmunya. Lantas dikatakan kepada beliau: *"Sesungguhnya si fulan itu tidak berilmu. Dia tidak akan dapat menjawab setiap soalan berkaitan ilmu yang diajukan*

---

[29] Kurang makan, kurang tidur, kurang bicara, kurang kelengkapan peribadi yang tidak perlu dan seterusnya. –pent.

[30] Yakni golongan salaf. –pent.

kepadanya." Maka jawab ulama tadi: *"Sungguh, aku memang tahu hal itu. Tetapi, dia memiliki sifat warak yang menghalangnya daripada berbicara perkara yang tidak diketahuinya."*

Al-A'masy berkata: *"Antara bicara itu adalah bicara yang jawapan baginya cuma diam."*

Sebahagian salaf berkata: *"Diam itu hiasan bagi seorang alim, dan tabir pelindung bagi seorang yang jahil."*

Berkata yang lain pula: *"Diam adalah jawapan."*

Dalam sebuah khabar ada dinyatakan: *"Diam adalah hiasan bagi sang alim, dan tercela bagi si jahil."*[31]

Sebahagian yang lain berkata: *"Tidak ada sesuatu yang lebih menyusahkan syaitan berbanding seorang alim yang berlemah-lembut[32]. Jika dia berbicara, maka bicaranya dengan ilmu. Jika dia diam, maka diamnya kerana sikap lemah-lembutnya. Syaitan berkata: Lihatlah kepada orang ini! Diamnya itu lebih menyusahkan aku berbanding bicaranya."*

Kata sebahagian salaf: *"Pelajarilah diam sebagaimana kamu mempelajari bicara. Sekiranya bicara itu menunjukimu, maka diam itu memelihara dirimu. Dengan diam, engkau akan memperolehi dua perkara: Engkau akan dapat menolak kejahilan orang yang lebih jahil berbanding dirimu, dan engkau akan dapat belajar daripada orang yang lebih alim daripadamu."*

Sebahagian ulama mengatakan: *"Pelajarilah "Aku tidak tahu"[33] dan jangan engkau pelajari: "Aku tahu!" Kerana jika engkau*

---

[31] Kerana jika si jahil diam dari bertanya, maka dia akan kekal dalam kejahilannya. –pent.

[32] Ar: (حليم). Yakni seorang yang memiliki hati yang lembut, mudah memaafkan, tidak berdendam dan sebagainya. –pent.

[33] Ar: (لا أدري).

berkata: "Aku tidak tahu", maka mereka akan mengajarmu sehingga engkau tahu. Sebaliknya jika engkau berkata: "Aku tahu!" maka mereka akan bertanya kepadamu sehingga engkau tidak tahu."[34]

Sesungguhnya para ulama telah berkata: *"Apabila seorang alim tersalah mengatakan "Aku tahu!" maka ia telah ditimpa kebinasaannya."*

Nabi Isa a.s ada mengatakan: *"Seluruh kebaikan itu pada tiga perkara: Diam, bicara dan penglihatan. Barangsiapa yang diamnya bukan tafakkur, maka dia dalam kealpaan. Barangsiapa bicaranya bukan zikir, maka dia dalam kesia-siaan. Dan barangsiapa yang penglihatannya tanpa mengambil ibarat, maka dia dalam kelalaian."*

Berkata sebahagian mereka[35]: *"Akan datang kepada manusia satu zaman di mana amalan yang paling afdhal bagi mereka adalah tidur dan ilmu yang paling afdhal bagi mereka adalah diam"* Yakni disebabkan amalan telah menjadi rosak dan ilmu pula bercampur-baur dengan keraguan.

Begitu juga dikatakan: *"Keadaan yang paling afdhal buat mereka adalah berlapar."* Disebabkan meratanya yang haram di samping sedikitnya yang halal.

Sebahagian ulama mengatakan: *"Diam itu tidurnya akal, manakala bicara itu berjaganya. Setiap yang jaga berhajat kepada tidur. Tidaklah diamnya seorang yang berakal itu sama sekali melainkan terhimpun akalnya dan hadir (berjaga) hati kecilnya."*

---

[34] Orang yang malu mengaku tidak tahu akan ditanya sehinggakan perkara yang dia tidak tahu, lalu akhirnya ia akan berani menjawab tanpa ilmu kerana mahu menjaga air mukanya supaya tidak dikata orang bahawa dia tidak tahu. –pent.

[35] Yakni salaf. –pent.

Antara pesanan Ibn Abbas kepada Mujahid adalah: *"Janganlah engkau bicara pada sesuatu yang tidak bermakna bagimu, kerana sesungguhnya itu adalah lebih selamat. Dan aku tidak menjanjikan bahawa engkau akan aman dari kesilapan. Janganlah engkau bicara pada sesuatu yang bermakna bagimu sebelum engkau fikirkan tempat yang patut baginya. Adakalanya seorang berbicara pada barang yang bermanfaat namun diletakkan bicaranya itu tidak kena tempat, lalu ia mendapat celaka."*

Telah berkata sebahagian ulama: *"Waraknya seseorang dapat dilihat jelas melalui tutur katanya."*

Dalam sebuah khabar disebutkan: *"Barangsiapa banyak bicaranya, banyaklah pula kesilapannya. Barangsiapa banyak salahnya, matilah hatinya."*

Dikatakan bahawa: *"Apabila sedikit bicara, banyaklah betulnya."*

Daripada segolongan salaf disebutkan bahawa: *"Sesungguhnya satu persembilan keselamatan itu letaknya pada diam."*

Dikatakan lagi: *"Setiap kalimah sama ada sendaan, gurauan atau cakap kosong akan menyebabkan seseorang hamba itu tertahan pada lima perhentian untuk dicela atau diminta perakuannya."*

Pertamanya akan ditanyakan: *"Kenapakah engkau ucapkan kalimah ini? Adakah ia berhubung-kait denganmu?"*

Kedua akan ditanyakan: *"Apakah ia bermanfaat kepadamu ketika engkau mengucapkannya?"*

Ketiga akan ditanya: *"Apakah akan memudaratkanmu jika engkau tidak mengucapkannya?"*

Keempat akan ditanya: *"Mengapa tidak engkau diam saja sehingga engkau beruntung dengan keselamatan daripada balasan*

akibatnya?"

Kelima akan ditanyakan: *"Mengapa tidak engkau gantikan tempat ucapan itu dengan ucapan Subhanallah dan Alhamdulillah, lalu engkau memperoleh pahalanya?"*

Disebutkan bahawa: *"Tidak ada satu kata pun melainkan akan dibentangkan untuknya tiga catatan. Catatan pertama adalah "Kenapa?" Catatan kedua, "Bagaimana?" Catatan ketiga, "Untuk siapa?" Barangsiapa yang selamat daripada tiga pertanyaan itu, dia selamat. Jika tidak, panjanglah waktunya dia dihisab."*

Kata Al-Hasan: *"Lidah seorang Mukmin itu di belakang hatinya. Apabila dia hendak berbicara, dia berfikir. Jika bagus untuknya, maka ia bicara. Jika buruk baginya maka ditahannya. Sedangkan hati seorang munafik pula berada di hujung lidahnya. Apa saja yang terlintas di hatinya terus diucapkannya tanpa bertangguh atau menimbang-nimbang lagi."*

Dalam sebuah khabar dinyatakan: *"Antara penyakit bagi seorang alim adalah bicara lebih menarik hatinya berbanding diam."*

Pada bicara ada upaya untuk menghias dan menambah-nambah, sedangkan dalam diam terdapatnya keselamatan dan keuntungan besar.

Dalam suatu peringatan Nabi SAW disebutkan: *"Beruntunglah siapa yang disibukkan oleh aibnya sendiri daripada aib orang lain, mendermakan lebihan hartanya, serta menahan lebihan kata-katanya."*

Khabar mengenai diam serta berkaitan seluruh makna apa yang telah kami sebutkan adalah banyak sekali, dan kami tidak bermaksud untuk menghimpunkan kesemuanya.

[BERSENDIRI]

Adapun bersendiri[36], maka ia mengosongkan hati daripada makhluk, menumpukan cita-cita kepada Pencipta, dan memperkukuh azam untuk terus teguh. Kerana sesungguhnya dalam bergaul dengan manusia itu akan melonglaikan keazaman, mencerai-beraikan cita-cita, dan melemahkan niat.

Bersendirian akan mengurangkan fikiran terhadap habuan yang segera bagi nafsu, disebabkan tiadanya penglihatan mata. Ini kerana mata adalah gerbang bagi hati, dan melaluinya-lah akan masuk segala penyakit hati, serta pada penyakit itulah kesenangan dan kelazatan bagi nafsu.

Sungguh, telah berkata sebahagian ulama: *"Barangsiapa yang banyak memandang, akan banyaklah penyesalannya."*

Bersendiri akan menarik fikiran-fikiran akhirat dan memperbaharui kesungguhan terhadapnya, ketika mana dia menyaksikan sesuatu yang pasti, melupakan ingatan terhadap hamba di samping berterusan mengingat Yang Disembah.

Bersendiri termasuk sebesar-besar afiat[37]. Demikian itu kerana sesungguhnya telah datang di dalam sebuah hadis dengan sabdanya: *"Mintalah keafiatan daripada Allah. Tidak ada karunia yang lebih afdhal untuk seorang hamba setelah keyakinan berbanding afiat."*

---

[36] Khulwah, uzlah, semadi, bersunyi diri, bersepi diri. –pent.

[37] Sihat, bebas gangguan. –pent.

Kemudian sesungguhnya telah diriwayatkan dalam sebuah khabar: *"Beruzlah daripada manusia itu adalah afiat."*

Dengan ini, ia termasuk di dalam makna apa yang dianjurkan untuk diminta[38] serta yang dikatakan terlebih afdhal setelah keyakinan itu berbanding hal yang lain.

Tidaklah seseorang murid itu dikira benar sejati melainkan setelah dia mendapati kelazatan, kemanisan dan peningkatan dalam bersendiri, yang tidak ia dapatkan di dalam keramaian. Dan hendaklah dia mendapati kesungguhan dan kekuatan dalam semadinya lebih berbanding di tengah ramai. Serta hendaklah ia cintakan bersendiri, gembira dalam bersepi diri, serta amalnya yang terbaik adalah semasa berseorangan.

Perumpamaan bersendirian pada *ahwal* berbanding bergaul dengan manusia adalah seumpama takut berbanding cinta pada *maqamat*[39]. Maqam takut itu sesuai bagi semua ahli ibadah, sedangkan maqam cinta itu adalah peningkatan bagi ahlinya yang khas.

Demikian juga bersendiri dan semadi itu sesuai bagi seluruh murid, sedangkan ramah dengan manusia itu adalah peningkatan bagi ahlinya, khasnya dari kalangan para imam yang beramal dengan ilmunya. Hanya saja bersendiri itu berhajat akal yang lain, begitu juga

[38] Dalam hadis sebelumnya. –pent.

[39] *Ahwal* (jama' bagi *Hal*) dan *Maqamat* (jama' bagi *Maqam*) adalah dua istilah dalam ilmu tasawwuf. Ringkasnya, *Ahwal* adalah keadaan jiwa yang sering berubah-ubah, manakala *Maqam* adalah keadaan jiwa yang sudah mantap. *Wallahu a'lam*. –pent.

bersendiri berhajat kepada iman yang kedua.[40]

Sesungguhnya kami telah meriwayatkan daripada Sufyan Ats-Tsauri dan daripada Bisyr bin Al-Harits bahawa: *"Apabila engkau rimas sewaktu bersendiri, namun seronok tatkala bersama makhluk, maka aku risau engkau sebenarnya ditimpa riyak."*

Abu Muhammad telah berkata: *"Seluruh kebaikan terhimpun pada empat perkara ini yang mana seorang Abdal diangkat menjadi Abdal. Iaitulah kempis perut, diam, menyingkir daripada makhluk, dan berjaga malam."*

Dan telah diceritakan kepadaku daripada Abdul Aziz bin Sahl rahimahullah katanya: *"Bergaulnya seseorang wali dengan manusia adalah kehinaan, dan bersendirian itu adalah kemuliaan. Sangat sedikit sekali aku saksikan para wali itu melainkan dianya bersendirian."*[41]

Berkata sebahagian ahli makrifat: *"Tenteram hati dengan bersendiri itu menunjukkan wujud jalan (menuju Allah bagi orang itu)."*

Antara petanda benarnya kemahuan setelah taubat

---

[40] Mungkin maksud bagi "Akal yang lain" dan "Iman yang kedua" di sini adalah setiap orang yang uzlah itu tetap juga berhajat kepada seorang mursyid atau teman rapat yang seperjalanan dalam menuju kepada Allah agar dirinya terselamat dari tipuan syaitan. *Wallahu a'lam*. –pent.

[41] Kata-kata sebegini walaupun zahirnya nampak agak melampau, namun hendaklah difahami dengan menurut konteksnya. Latar zaman dan suasana politik serta masyarakat waktu itu, selain ilmu dan pengalaman hidup orang yang mengucapkan kata-kata itu juga perlu diambil kira. Begitulah hendaknya kita dalam memahami mana-mana ungkapan seumpama ini. Wallahu a'lam. –pent.

yang sungguh-sungguh dan kuatnya keazaman dalam beristiqamah adalah mengutamakan empat perkara yang telah kami sebutkan ini berbanding perkara lawannya. Juga petandanya apabila hatimu tidak merayau serta lapang dadamu dan baik kelakumu tatkala melaksanakan perkara-perkara itu. Ini kerana lawan bagi empat perkara itu adalah pintu-pintu dunia, anak kunci kealpaan dan jalan-jalan bagi hawa nafsu belaka.

[KENYANG PERUT]

Daripada perkara lawan tersebut, maka sesungguhnya pada kenyang perut akan membuahkan keras dan gelap hati. Selain itu, ia juga menguatkan sifat-sifat nafsu dan melebarkan keinginannya. Dan pada kuatnya nafsu serta melebar keinginannya itu akan melemahkan iman dan memadamkan cahayanya.

Sebaliknya pada lemahnya nafsu serta padam tabiatnya itu pula akan menguatkan iman dan menebarkan suluhan cahayanya. Dan di situlah kedekatan seseorang hamba dengan Yang Maha Dekat serta dapat dia bermajlis dengan Yang Tercinta.

Kenyang perut itu merupakan anak kunci kepada gemarkan dunia. Sebahagian para sahabat pernah berkata: *"Bida'ah yang mula-mula sekali terjadi setelah kewafatan Rasulullah SAW adalah kenyang perut."*

Ini kerana sesuatu puak itu apabila kenyang perut mereka, maka keinginan nafsu tidak mampu dikawal lagi.

Diriwayatkan daripada Aisyah radhiyallahu 'anha dengan katanya: *"Rasulullah SAW dan para sahabatnya dahulu*

sentiasa berlapar bukanlah kerana kepapaan.” Yakni, mereka berlapar atas pilihan mereka sendiri.

Ibn Umar berkata: *“Tidak pernah aku kenyang perut semenjak terbunuhnya Usman.”*

Beliau mengucapkan kata-kata itu pada zaman Al-Hajjaj.

Dalam hadis Abu Juhaifah tatkala beliau sendawa di sisi Rasulullah SAW, lalu baginda pun bersabda kepadanya: *“Tahanlah sendawamu di depan kami. Sesungguhnya orang yang paling kenyang perutnya antara kalian di dunia ini adalah orang yang paling lapar di akhirat nanti.”*

Beliau (Abu Juhaifah) berkata: *“Demi Allah! Aku tidak lagi makan kenyang semenjak hari itu sehingga hari ini, dan aku berharap agar Allah memeliharaku pada hari-hari mendatang yang masih berbaki.”*

Maka adalah *mustahab*[42] berdasarkan ini untuk seseorang hamba itu lebih banyak berlapar di dunia ini berbanding kenyang, dan ia adalah petanda para wali.

[TAHAP-TAHAP KENYANG]

Justeru, barangsiapa yang makan sekali di antara dua kelaparan yang bersangatan, maka ketika itu laparnya adalah lebih banyak berbanding kenyang.

Barangsiapa yang setelah lapar yang bersangatan, ia makan sehingga sekadar kenyang, maka dia di peringkat sederhana antara lapar dan kenyang.

---

[42] *Mustahab* dalam ilmu fekah semaksud dengan *Sunat*. Ia boleh diertikan sebagai: *Sangat digalakkan*. –pent.

Barangsiapa yang makan sehari dua kali atau makan sehingga kenyang betul walaupun tidak lapar, maka kenyangnya lebih banyak berbanding lapar; dan ini *makruh*.[43]

Dan sesiapa yang makan apabila lapar lalu berhenti sebelum kenyang, maka laparnya adalah lebih banyak berbanding kenyang; dan inilah dia keadaan yang paling ideal.

Hisyam menyebutkan daripada Al-Hasan, katanya: *"Demi Allah! Sungguh aku telah menemui beberapa golongan[44] yang mana mereka itu tidak pernah kenyang perut. Seseorang dari mereka makan sehingga apabila nafsunya mula rasa sedap, lantas dia berhenti, mengingatkan kembali niat untuk apa dia makan. Sepanjang hidupnya tidak pernah dilipatkan baju untuknya[45], dan sama sekali tidak pernah dia menyuruh isterinya memasak sebarang makanan[46], serta tidak sama sekali membataskan antara dirinya dan tanah dengan sesuatu[47]."*[48]

---

[43] Barangkali inilah keadaan kebanyakan kita. Semoga Allah perbaiki keadaan kita dan kaum Muslimin seluruhnya. Amin. –pent.

[44] Kebiasaannya apabila Al-Hasan mengucapkan sebegini, beliau mengisyaratkan kepada para sahabat radhiyallahu 'anhum. –pent.

[45] Kerana bajunya cuma sehelai atau sepasang. Tidak ada baju lain untuk disalin. Sehingga rosak baju itu barulah dibeli baju yang baharu. –pent.

[46] Yakni, jika ada makanan dia makan, jika tiada dia berlapar atau puasa. –pent.

[47] Yakni tidak ada alas tikar apatah lagi karpet atau jubin. Rumah cuma berlantaikan tanah sahaja. Di situlah duduk dan tidur. –pent.

[48] Janganlah hendaknya ada pembaca yang memahami daripada kenyataan ini bahawa kehidupan yang selesa itu dicela oleh Syarak. Bagi setiap zaman, tempat dan suasana itu ada cara hidup yang

Ja'far bin Hayyan menyebutkan daripada Al-Hasan: *"Seorang Mukmin tidak akan makan sehingga penuh perutnya, dan wasiatnya sentiasa di bawah rusuknya."*[49]

Kami meriwayatkan daripada Ats-Tsauri dengan katanya: *"Dua perkara yang mengeraskan hati, iaitulah sentiasa kenyang perut dan banyak bercakap."*

Dan kami juga meriwayatkan daripada Makhul: *"Tiga perkara yang dicintai Allah Azza wa Jalla dan tiga perkara yang dibenciNya. Adapun tiga yang dicintaiNya adalah: Sedikit makan, sedikit tidur dan sedikit bercakap. Sementara tiga yang dibenciNya adalah: Banyak makan, banyak bercakap dan banyak tidur."*

[BANYAK TIDUR]

Adapun tidur, maka sering melakukannya memanjangkan kealpaan, memendekkan akal, mengurangkan

---

berbeza. Islam bukanlah satu agama yang sesuai untuk diamalkan di padang pasir sahaja. Ia sesuai untuk seluruh manusia pada seluruh zaman di seluruh tempat. Untuk memahami Islam dengan tepat dan benar, seseorang mestilah mempelajarinya daripada para ulama yang berkelayakan dalam cabang ilmunya masing-masing.

Adapun dengan membaca sendiri-sendiri tanpa bekal ilmu lalu memahaminya mengikut faham sendiri tanpa merujuk kepada yang lebih tahu, maka dikhuatiri akan terpesong. Bayangkan ada di antara para sahabat pun silap dalam memahami sebahagian ayat Al-Quran, bagaimana pula kita? *Wallahu a'lam.* –pent.

[49] Salah satu perkara yang dianjurkan adalah untuk seseorang menulis wasiat lalu diletakkan di bawah bantal atau tilamnya pada setiap malam kerana boleh jadi tidurnya itu merupakan tidur yang penamat. Ini juga salah satu bentuk mengingati kematian. *Wallahu a'lam.* –pent.

kebijaksanaan dan hati jadi pelupa. Semua ini adalah kerugian, dan kerugian akan membangkitkan penyesalan selepas mati.

Kami telah meriwayatakan daripada Nabi SAW sabdanya: *"Bonda (Nabi) Sulaiman bin Daud telah berkata kepada puteranya: Wahai anakku! Janganlah engkau banyak tidur pada waktu malam, kerana sesungguhnya banyak tidur akan memiskinkan seseorang hamba pada hari kiamat."*

Ada disebutkan bahawa pernah sekumpulan pemuda yang kuat beribadat pada zaman Bani Israil apabila dihidangkan makan malam maka akan bangunlah seorang alim mereka seraya berujar: *"Wahai para murid! Janganlah kalian banyak makan, lalu akan banyak minum, kemudian banyak tidur, lantas mendapat kerugian yang banyak."*

Sebahagian salaf telah berkata: *"Keadaan yang sedikit bagi seorang Mukmin adalah makan dan tidur, manakala keadaan yang paling berlebihan bagi seorang munafik juga makan dan tidur."*

Ada orang pernah berkata kepada seorang cendekiawan kalangan hukamak: *"Sifatkan kepadaku sesuatu yang dapat aku gunakan sehingga aku dapat tidur pada waktu siang."*

Lantas jawab hukama itu: *"Eh, engkau ini! Lemah benar akalmu! Sesungguhnya separuh daripada umurmu adalah tidur, sedangkan tidur itu bahagian daripada mati. Apakah engkau mahu menjadikan tiga suku hidupmu itu tidur dan cuma sukunya saja hidup?"*

Lalu orang itu bertanya kembali: *"Bagaimana boleh jadi begitu?"*

"Engkau, jika engkau hidup selama empat puluh tahun, maka

sebenarnya ia hanyalah dua puluh tahun sahaja. Apakah engkau hendak menjadikannya sepuluh tahun pula?" jawab sang hukamak.

[BANYAK CAKAP]

Adapun banyak bercakap itu, maka sesungguhnya padanya sedikit warak, tiada taqwa, panjang hisab, ramai orang yang akan menuntut hak, terkait dengan orang yang dizalimi, banyak kesaksian daripada malaikat pencatat dan tidak dipandang oleh Raja Yang Maha Mulia.

Ini kerana kata bicara itu merupakan anak kunci bagi dosa-dosa besar lidah. Padanya terjadi cakap bohong, mengumpat, batu api, memfitnah, kesaksian palsu, menuduh orang yang baik sebagai berzina dan mengatakan perkara yang tidak sepatutnya kepada Allah serta keimanan. Juga bercakap hal-hal yang tidak bermakna serta bersembang benda yang tidak bermanfaat.

Sesungguhnya telah disebutkan dalam sebuah khabar: *"Kesalahan terbanyak seseorang anak Adam itu berpunca daripada lidahnya, dan manusia yang paling dosanya pada hari kiamat adalah yang paling banyak bersembang perkara yang tidak bermakna*[50] *baginya."*

Pada lidah jugalah terjadinya menghias kata, berpura-pura di depan makhluk, mengubah dan melencongkan makna kebenaran serta berlakon dan berusaha mengambil hati orang yang mengikuti hawa

---

[50] Atau tidak berkaitan dengan dirinya. –pent.

nafsu.

Berhimpunnya kesemua itu pada seseorang hamba akan membuatkan culang-caling hatinya. Apabila hatinya culang-caling, bercemperalah pula cita-citanya. Tercerai barainya cita-cita akan menjatuhkannya daripada maqam orang-orang yang hampir kepada Allah (*Muqarrabin*).

Dalam satu pesanan Ibn Abbas kepada Mujahid, beliau berkata: *"Janganlah engkau berbantah dengan orang yang berwibawa dan orang yang bodoh. Kerana sesungguhnya orang yang berwibawa itu akan membencimu, manakala si bodoh itu pula akan menyakitkan hatimu."*

Dalam sebuah khabar disebutkan: *"Sesungguhnya seseorang hamba itu bercakap dengan satu kalimah yang disangkanya tiada apa-apa namun itulah yang bakal melemparkannya lebih jauh daripada jarak antara langit dan bumi."*

Dalam lafaz yang lain berbunyi: *"Dia menuturkannya lalu dia dihumban ke dalam Jahannam tujuh puluh tahun."*

Luqman berujar kepada anaknya: *"Sekiranya engkau hidup sebagai seorang bisu yang berjejel air liur sampai ke dadamu, itu lebih baik bagimu daripada engkau mengucapkan sesuatu yang tidak berkaitan denganmu di tempat pertemuan orang ramai."*

Dalam sebuah khabar disebutkan: *"Barangsiapa yang membuka bualan dengan perkara yang tidak baik lalu orang terus memperbualkan perkara itu, maka dia akan menanggung seumpama dosa yang ditanggung oleh mereka itu."*

Sebuah khabar lain menyebutkan: *"Tidak ada yang membawa berita jahat melainkan lelaki*[51] *yang jahat."*

---

[51] Perempuan juga sama. –pent.

Mereka[52] telah memberitahu kami daripada Ibrahim bin Adham bahawa apabila seseorang berkawan dengannya lalu menceritakan perkara yang tidak elok, maka beliau akan memisahkan diri daripadanya.

Dan kami riwayatkan dalam sebuah hadis: *"Barangsiapa yang bercerita apa saja yang didengar oleh telinganya dan dilihat oleh matanya, maka Allah akan menuliskannya termasuk golongan mereka yang suka menyebarkan perkara keji dalam masyarakat orang yang beriman."*

Kami juga telah meriwayatkan daripada Ali radhiyallahu 'anhu: *"Penyebar berita keji kepada orang lain sama seperti pelakunya."*

Dalam khabar dikisahkan bahawa sesungguhnya ada sebahagian faqir kalangan *Ahli Suffah*[53] telah gugur syahid fi sabilillah Azza wa Jalla. Maka ibunya berkata: *"Berbahagialah engkau di dalam syurga. Engkau telah berjihad di jalan Allah dan berhijrah kepada Rasulillah seterusnya terbunuh syahid. Bertuahlah engkau dapat masuk syurga."*

Lantas Rasulullah SAW bersabda: *"Bagaimana puan tahu bahawa dia di dalam syurga? Boleh jadi dia pernah bercakap sesuatu yang tidak bermanfaat baginya atau bakhil dengan sesuatu yang tidak memudharatkannya?"*

Dalam lafaz yang lain sabdanya: *"Barangkali dia ada bercakap sesuatu yang tidak bermakna baginya dan bakhil dengan sesuatu yang tidak menjadikannya kaya?"*

---

[52] Yakni para ulama. –pent.

[53] *Ahli Suffah* ialah golongan faqir dari para sahabat Nabi yang tinggal di suffah masjid Nabawi, iaitu satu bahagian berbumbung di masjid itu. Antara mereka adalah seperti Abu Hurairah. –pent.

Pada sebuah khabar yang lain, ada sebahagian sahabat menyebut tentang seorang laki-laki: *"Sungguh dia itu kuat tidur."* Rasulullah SAW lantas bersabda: *"Kalian telah mengumpat saudaramu! Mintalah agar dia memohon keampunan untuk kalian."*

Dalam khabar yang lain pula, mereka berkata: *"Si fulan itu lembik."* Lantas baginda bersabda: *"Kalian telah memakannya."*[54]

Dan dalam hadis Aisyah radhiyallahu 'anha yang mana beliau telah berkata tentang seorang perempuan: *"Labuh betul bajunya."* Lafaz yang lain beliau berkata: *"Dia tu pendek."* Lantas sabda baginda: *"Kamu telah mengumpatnya."*

Dalam khabar yang lain Rasulullah SAW bersabda kepadanya: *"Sesungguhnya engkau telah mengucapkan satu kata yang jika dicampurkan kepada air laut pasti akan berubah airnya."*

Ini merupakan satu gambaran yang menunjukkan betapa dahsyatnya perbuatan itu. Dan dalam satu khabar yang menghimpunkan keseluruhan makna ini bagi menunjukkan hakikat mengumpat itu adalah apa yang telah diriwayatkan daripada Rasulullah SAW: *"Barangsiapa mengatakan terhadap saudaranya sesuatu yang ada pada dirinya, maka sesungguhnya dia telah mengumpatnya."*

Dalam hadis Aban daripada Anas, daripada Rasulullah SAW bahawa yang lebih teruk daripada itu

---

[54] Orang yang mengumpat diumpamakan seperti memakan daging mayat saudaranya yang diumpat itu. –pent.

adalah sabdanya: *"Mengumpat ialah engkau mengatakan terhadap saudaramu dengan memburuk-burukkannya."*

Maka inilah sehabis-habis perkataan bagaimana teruk dan dahsyatnya mengumpat itu.

Ghibah (yakni mengumpat) adalah satu kata nama dari sudut bahasa yang maknanya secara Syarak merupakan pecahan kata daripada *"Ghaibil Insan"* (Yakni ketiadaan seseorang sewaktu umpatan itu dilakukan terhadapnya). Rasulullah SAW telah menafsirkan bahawa ia adalah seseorang mengatakan terhadap saudaranya dengan sesuatu yang memang terdapat pada dirinya. Dahsyatnya menurut sabda baginda adalah ianya lebih teruk daripada zina.

Maka apabila seseorang mengata saudaranya semasa ketiadaannya dengan sesuatu yang ia pasti memang ada pada orang itu, namun dia tidak akan mengatakannya sekiranya orang itu ada bersama; atau dia mengatakan sesuatu yang jika didengar atau diketahui orang itu akan membuatnya marah; atau dia mengatakan sesuatu yang buruk-buruk tentang orang itu, maka ketika itu sesungguhnya dia telah mengumpat orang tersebut.

Seandainya tidak ada pada diam itu melainkan terselamat daripada mengumpat, itupun sudah cukup sebagai keuntungan yang melimpah-ruah. Bagaimana tidak? Sedangkan telah diriwayatkan daripada Rasulullah SAW: *"Setiap percakapan anak Adam itu bencana atas dirinya selain tiga jenis: Menyuruh yang makruf, atau menegah yang mungkar atau berzikir kepada Allah Azza wa Jalla."*

[BERGAUL]

Adapun bergaul dengan manusia, maka sesungguhnya ia akan melemahkan tekad yang sebelumnya teguh dalam melaksanakan perkara-perkara kebaikan. Ia juga akan merungkai simpulan yang diikat kuat oleh seseorang hamba semasa bersendiri, kerana kurang sekali orang yang bertolong bantu dalam perkara kebaikan dan ketakwaan sebaliknya ramai pula orang yang bekerjasama dalam perkara dosa dan maksiat.

Bercampur-gaul akan menguatkan tamak haloba terhadap habuan dunia yang segera apabila menyaksikan semua orang berpusu-pusu mengejarnya. Selain itu, ia juga menyebabkan tidak lagi mampu meneruskan khidmat, kerana memandang kepada orang-orang yang lalai, membikin culas melakukan ketaatan akibat duduk bersama para penganggur, mengurangkan kemanisan beramal, menghapuskan cahaya ilmu, menghilangkan kepantasan faham akibat sering mendengar bicara orang jahil serta memandang mayat hidup, iaitu hamba-hamba dunia.

Sebagaimana ada diriwayatkan daripada Isa alaihissalam, sabdanya: *"Janganlah kalian duduk bergaul dengan orang mati, nanti hati kalian turut mati."*

Lalu ditanya: *"Siapa orang yang mati itu?"*

Lantas jawab baginda: *"Para pencinta dunia, yang haloba terhadapnya."*

Sesungguhnya Al-Hasan telah menyebut berkaitan firman Allah Taala yang bermaksud: *"Tidak kan pernah sama*

orang yang hidup dengan orang yang mati."[55]

Katanya: *"Iaitu golongan fakir dan golongan kaya. Golongan fakir hidup dengan berzikir kepada Allah, sedangkan golongan kaya mati kerana dunia."*

Perkara terburuk dalam bergaul dengan manusia serta duduk bersama para penganggur dan golongan yang lalai itu adalah melemahnya keyakinan dengan sebab melihat kepada mereka.

Mudarat terbesar yang menimpa seseorang hamba itu, menolaknya kepada kebinasaan serta paling dahsyat menghijab dan menjauhkannya adalah lemahnya keyakinan diri dengan perkara ghaib yang dijanjikan kepadanya dan ancaman ke atasnya di dunia. Dan ini adalah perkara yang paling ditakuti oleh Rasulullah SAW ke atas umatnya, sepertimana kami riwayatkan daripada baginda, sabdanya: *"Perkara yang paling aku takuti kepada umatku adalah lemahnya keyakinan."*

Ini kerana lemahnya keyakinan adalah punca bagi gemarkan dunia dan haloba untuk mengumpulkannya, menghina diri kepada hamba dunia serta tamak dengan apa yang ada pada mereka.

Iaitu sepertimana yang disebutkan oleh Ibn Mas'ud: *"Sesungguhnya seorang lelaki keluar daripada rumahnya bersama agamanya, lalu pulang nanti tanpa ada lagi agamanya sedikit pun. Dia berjumpa orang ini lalu berkata: "Engkau begitu, engkau begini". Ditemuinya orang lain lalu dikatanya: "Engkau begian begian". Barangkali tidak ada yang tinggal melainkan semua*

---

[55] Surah Fatir, ayat: 6.

disebutkannya. Lalu dia pulang ke rumahnya sedangkan dia telah menyebabkan Allah Azza wa Jalla murka terhadap dirinya."

Sebahagian para tabiin berkata: *"Sesungguhnya ada seseorang hamba yang menyimpulkan ikatan-ikatan kebaikan sewaktu dia bersendiri. Lalu ia keluar bertemu manusia lantas menguraikan satu demi satu simpulan tersebut, sehingga dia pulang dalam keadaan terurai kesemuanya."*

Kuatnya keyakinan adalah asas bagi setiap amal soleh, kerana padanya terletak kecepatan melangkah.

Lamanya masa menetap di rumah pula bererti mengutamakan berpada dengan sedikit daripada yang fana[56], mendahulukannya untuk akhirat[57], halobanya lemah, tuntutannya sedikit, hilang tamak, kosong daripada kesibukan dunia dan memburunya, sebaliknya menyibukkan dirinya dengan apa yang disunatkan ke atas dirinya oleh Pemilik dirinya.

Dan pada kesemua itu adalah keikhlasannya dalam beramal serta zuhudnya yang hakiki dalam menguruskan hal ehwalnya, memendekkan angan-angannya dan mempermolekkan amalannya.

Tidakkah engkau mendengar sifat-sifat orang yang disebutkan oleh Allah Azza wa Jalla sebagai sentiasa berlumba-lumba memperbanyak (habuan dunianya) yang telah melalaikan dirinya, sehingga dia akhirnya masuk ke barzakh dan kuburnya? Bukankah Allah telah memberi amaran sehingga dia dapat mengetahui secara yakin? Dan

---

[56] Yakni habuan dunia. –pent.

[57] Yakni daripada sedikit dunia yang dimiliki itupun dijadikannya untuk akhirat belaka. –pent.

diancamkan ke atasnya nanti akan dilihat oleh mata kepalanya di akhirat?

Firman Allah Subhanah: *"Berlumba-lumba mengumpul (dunia) telah melalaikan kalian."*[58] Yakni, perbuatan menghimpun (dunia) itu telah menyibukkan kalian daripada amal soleh, sampailah kalian akhirnya masuk kubur.

Kemudian firmanNya: *"Jangan begitu! Kalaulah kalian mengetahui dengan ilmu yang yakin."*[59] Yakni, pastilah amal soleh akan menyibukkan kalian berbanding permainan dan perkara sia-sia yang menjadi penyebab syak keraguan– kerana ia lawan bagi yakin. Maka pastilah kalian akan sibuk mencari akhirat daripada berlumba memperbanyak dunia, sebagaimana kalian disibukkan oleh permainan dan perkara sia-sia disebabkan ketiadaan ilmu yakin.

Ini sepertimana firmanNya: *"Kami telah lihat dan dengar, maka kembalikanlah kami (ke dunia), kami akan berbuat amal soleh. Sesungguhnya kami kini telah benar-benar yakin."*[60] sesudah Dia berfirman: *"Bahkan sesungguhnya mereka bermain-main di dalam syak keraguan."*[61]

Kemudian Dia memberi amaran sebanyak dua kali, seterusnya mengancam mereka bahawa mereka akan disoal mengenai segala nikmat yang telah menyibukkan

---

[58] At-Takatsur, ayat 1.
[59] At-Takatsur, ayat 5.
[60] As-Sajdah, ayat 12.
[61] Ad-Dukhan, ayat 9.

mereka, iaitulah memperbanyak lebihan duniawi.[62]

Dikatakan (makna lain bagi yang ditanya) itu adalah: Perbuatan menghimpun dan menahan daripada infak.

Ketahuilah! Bahawa perkara yang memotong seseorang daripada bertaubat dan melencongkan orang-orang yang bertaubat daripada beristiqamah itu tiga perkara: Kerja mencari pendapatan, berinfak dan mengumpul dunia.

Ketiga-tiga sebab ini kesemuanya bersangkut-paut dengan makhluk. Ia wujud bersama wujudnya mereka dan hilang dengan seseorang menyisihkan diri daripada mereka.

Barangsiapa zuhud[63] terhadap tiga perkara ini, maka sesungguhnya dia telah zuhud dengan makhluk. Barangsiapa gemar kepada makhluk, maka dia akan gemar pula kepada tiga perkara tersebut.

Ats-Tsauri telah berkata: *"Sesiapa yang bercampur-gaul dengan manusia, dia akan bersikap bermuka-muka dengan mereka. Barangsiapa bermuka-muka dengan mereka, maka dia sebenarnya riyak dengan mereka. Barangsiapa riyak dengan mereka, maka akan terjerumus bersama mereka, lantas akan turut binasa sepertimana mereka itu binasa."*

Sesungguhnya sebahagian yang salih daripada golongan ini[64] telah menyebutkan: Aku pernah berkata kepada sebahagian Abdal yang hidup terpisah daripada orang ramai: *"Bagaimanakah jalan menuju hakikat?"* Ada sekali

---

[62] Rujuk surah At-Takatsur. –pent.

[63] Tidak gemar. –pent.

[64] Yakni golongan sufi. –pent.

aku katakan: *"Tunjukkan daku satu amalan untuk aku amalkan supaya aku mendapatkan hatiku sentiasa bersama Allah dalam setiap waktu."*

Lalu jawabnya: *"Jangan engkau memandang kepada makhluk, kerana memandang mereka adalah kegelapan."*

Maka aku berkata: *"Tiada jalan bagiku mengelak hal itu."*

Katanya lagi: *"Jangan dengar ucapan mereka, kerana sesungguhnya bicara mereka itu mengeraskan hati."*

Aku lalu menjawab: *"Itu pun tidak dapat ku elakkan."*

Lantas ujarnya lagi: *"Jangan berurusan dengan mereka, kerana ianya meliarkan hati."*

Maka jawabku: *"Memangnya aku hidup bersama mereka, tak dapat tidak kena berurusan."*

Katanya: *"Jangan cenderung hati kepada mereka, kerana itu membinasakan."*

Maka jawabku: *"Ini menyakitkan."*

Lantas dia membalas: *"Wahai engkau! Apakah engkau melihat kepada orang yang alpa, mendengar kalam bicara orang jahil dan berurusan dengan para penganggur, lalu engkau mahukan hatimu sentiasa bersama Allah? Ini sesuatu yang tak akan terjadi!"*

Sesungguhnya sebutan mengenai kelebihan uzlah dan bersendiri, kelebihan diam, serta semua yang kami sebutkan tentang berlapar dan berjaga malam banyak sekali untuk dihimpunkan.

Tetapi pada apa yang telah kami peringatkan dan tampilkan itu cukup dan memadai bagi sesiapa yang mahukan akhirat seraya berjalan kepadanya dalam keadaan dianya beriman. Juga bagi sesiap yang hendak berurusan dan berniaga (dengan Allah SWT). Dan tiada

daya upaya melainkan dengan (kekuatan dan kekuasaan) Allah jua.

الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات

Tamat terjemahan "Kitab Asasil Muridin" daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu oleh Arsyad bin Mokhtar pada malam Rabu, 19 Zulqaedah 1439 H bersamaan 31 Julai 2018 Masihi, jam 10:40 malam, bertempat di Pendang, Kedah Darul Aman.

تم